

18 NOV 1997

ANWAR Pengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pagi ini mempengerusikan mesyuarat dewan tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesyuarat itu dihadiri para pemimpin parti-parti komponen BN.

Antaranya presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu, presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan presiden Parti Bansa Dayak Sarawak Datuk Leo Moggie.

Mesyuarat itu dijangka membincangkan antara lain soal tindakan segelintir ahli kongress Amerika Syarikat yang hendak membawa usul kepada kongres meminta Datuk Seri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf atau meletak jawatan ekoran kenyataannya yang didakwa anti-Yahudi.

Dr Mahathir telah menjelaskan bahawa kenyataannya yang menyalahkan pembiayaan kewangan Amerika, George Soros, seorang Yahudi, terhadap krisis mata wang di Asia Tenggara telah disalahtafsirkan, dan beliau bukan anti-Yahudi. -- BERNAMA

MT NMO